

L I V E

THE DIFFERENCE

J I D I L 3 , 2 0 1 7
KDN NO: PP15838/07/2012(030848)





10



KANDUNGAN

04 KISAH BERTEMA
Ayuh Dapatkan Fizikal Yang Cantik!

12 BUDAYA
Perjalanan Yang Mengubah Kehidupan!

06 INDIVIDU
Sayap Transformasi!

14 PELUANG
Snapshots

08 PRODUK
PENJAGAAN KULIT:
Serlahkan Kecantikan Semulajadi Anda!
PENJAGAAN KESIHATAN:
Dari GEMUK Kepada GEMPAK!

AYUH DAPATKAN Fizikal Yang Cantik!

Dalam sekelip mata kita telah pun memasuki pertengahan tahun. Sambutan dan keraian peristiwa untuk pertengahan tahun telah pun berakhir tetapi perhatian seluruh Negara sekarang terpacu kepada Sukan SEA (SEA Games) yang ke 29, di mana Malaysia kembali menjadi tuan rumah selepas 16 tahun. Jadi, bagaimana dengan azam tahun baru anda yang lalu? Adakah azam anda untuk menjadi lebih tegap dan sihat pada tahun 2017 ini masih kukuh atau ianya telah lama dilupakan?

Secara jujur, tidak kira sama ada ianya adalah azam tahun baru anda ataupun tidak, kita sebagai manusia sentiasa mencari jalan untuk mengekalkan kesihatan, kelihatan lebih cantik dan menjalani kehidupan yang lebih baik. Jika anda benar-benar mempelajari sejarah kecergasan, cara untuk mencapainya telah berkembang di dalam berbagai cara. Daripada cara budaya gim Arnold Schwarzenegger dalam tahun 60an, makan hanya sup sayur untuk seminggu berterusan, kepada alat mudah pakai pengesan aktiviti kecergasan yang dapat dilihat di mana-mana! Ianya kelihatan seperti tidak kira di era mana kita berada, trend dan keterujaan kecergasan

fizikal menular di seluruh dunia, seorang setiap masa.

Trend dan keterujaan kecergasan fizikal ini menjadikan orang yang menghadapi masalah berat badan dan imej ini dijanjikan dengan penyelesaian yang mudah. Kita semua memahami bahawa bersenam adalah penting, tetapi ramai yang tidak betul-betul memahami apa itu sebenarnya kecergasan fizikal. Mendapatkan kecergasan bukan sekadar hanya mendapatkan bentuk badan yang seksi atau enam otot perut, tetapi ianya mengenai kehidupan yang lebih sihat dan masa hadapan yang lebih baik.



Tahukah anda bahawa Malaysia secara tidak rasmi mempunyai kadar obesiti yang tertinggi di Asia Tenggara. Paling ketara, serangan jantung dan strok adalah penyakit yang tertinggi membawa kematian di Malaysia. Sama ada anda pengikut trend atau tidak, anda tidak sepatutnya mengikut trend kecergasan hanya kerana semua orang melakukannya tetapi jadikanlah ia pilihan gaya hidup anda!

Semasa kita bersemangat bersorak untuk menyokong peserta-peserta Sukan Asia, pasti kita terfikir akan gaya hidup cergas dan sihat serta latihan gigih yang dijalani oleh pasukan kita baik lelaki mahupun wanita. Kita mungkin tidak dapat meniru sepenuhnya cara mereka, tetapi kita sepatutnya mampu mencuba menjadi lebih cergas di dalam kehidupan seharian kita.

Pemakanan yang sihat dan bersenam secara berkala mungkin agak mencabar bagikan kita semua. Bukan sahaja sukar untuk memperuntukkan masa tetapi motivasi untuk meneruskan diet yang sihat dan rutin senaman selalunya kecundang. Dan untuk

mengatakan tidak pada sepotong pizza keju adalah amat menyeksakan! Jadi mengapa tidak mendapatkan sedikit bantuan? Tiada sesiapa kata yang anda perlu melakukan kesemuanya bersendirian.

Dapatkan rakan dan keluarga anda untuk menyertai anda. Apabila anda melakukannya dengan seseorang, ianya akan menjadi lebih menarik! Anda akan lebih cekal untuk melakukannya dan ia menjadi ianya suatu aktiviti berterusan yang menyeronokkan. Tanpa anda sedari, anda akan mula melihat perubahan mental dan fizikal serta mendapat manfaat mengikuti gaya hidup yang sihat! Hakikatnya, kegigihan anda memilih untuk mengekalkan cergas dan aktif akan menjadikan kehidupan anda lebih sihat berpanjangan.

Ingat, sama ada anda merupakan ahli sukan atau tidak, tubuh anda mencerminkan pilihan yang anda buat. Anggaplah tubuh umpama karya seni yang anda lakarkan setiap hari dan akan berubah mengikut gaya hidup anda. Berbanggalah dengan tubuh anda kerana anda berhak!



SAYAP Transformasi

Peluang perniagaan Nu Skin sentiasa berkisar pada satu perkara – untuk memperkasa dan melakukan transformasi kehidupan kepada manusia di seluruh dunia.

Ramai di kalangan Pengedar Nu Skin bermula dengan hanya sehelai kertas kosong, tetapi dengan usaha yang berterusan, merebut peluang melalui penjenamaan Nu Skin, produk inovatif Nu Skin, serta budaya unik Nu Skin, mereka akhirnya berjaya berubah menjadi individu yang menarik.

Kami percaya setiap Pemimpin Nu Skin mempunyai cerita yang unik untuk dikongsi bersama. Bagaimana pula dengan anda? Adakah Nu Skin telah mengubah kehidupan anda dan orang di sekeliling anda agar turut melakukan transformasi, menjadi lebih baik luaran dan dalaman?

“Ramai yang mencarikan peluang di dalam kehidupan, namun bukan semua yang berjaya menemui peluang tersebut. Kami bersyukur kerana dipertemukan dengan Nu Skin – sebuah platform hebat yang membantu kami untuk mencapai kejayaan.” Produk Nu Skin yang inovatif telah mengubah kehidupan kami. Saya hampir hilang keyakinan diri apabila terlibat dalam kemalangan yang telah memusnahkan kerjaya saya sebagai ahli sukan semasa di usia remaja. Produk Pharmanex telah membantu saya memulihkan kesihatan dan memperolehi kembali jati diri. Begitu juga dengan Albert, hidupnya telah menjadi lebih baik melalui produk Nu Skin dan set TRA. Kami amat bersyukur kerana berjaya mendapat peluang yang disediakan oleh Nu Skin untuk membantu orang lain. Benarlah seperti apa yang di kata, ‘membuat pilihan yang tepat adalah lebih penting dari sekadar bekerja keras.’”

Amy Khor & Albert Sia
1 Million Dollar Circle & 2 Year Team Elite

“Sebelum menemui Nu Skin, kami hanyalah orang biasa yang bekerja dari jam sembilan hingga lima. Melalui pengaruh dan peluang yang disediakan oleh Nu Skin, kehidupan kami telah berubah. Produk Nu Skin yang inovatif tidak hanya mengubah penampilan kami tetapi menyedarkan kami bahawa kesihatan adalah sebenar-benarnya kekayaan. Perniagaan Nu Skin adalah sebuah perniagaan yang membuat anda berjaya dengan membantu orang lain untuk mencapai kejayaan. Di dalam bulatan ini, anda dibantu oleh seseorang terlebih dahulu, kemudian anda akan membantu pula yang lain dan dia pun akan membantu orang yang lain. Bila anda membantu orang ramai, anda juga akan mendapat faedah yang sama sebagai ganjarannya. Kami percaya bahawa kedudukan minda yang tepat adalah kunci kepada kejayaan. Menjadi orang yang bersyukur dan tidak memandang ringan terhadap semua perkara adalah anugerah yang kami dapat dari Nu Skin. Kami amat berterima kasih kepada semua cabaran yang kami hadapi kerana ianya telah menjadikan kami individu yang lebih tabah. Kami akan terus memastikan nilai murni ini diturunkan kepada rakan perniagaan Nu Skin, bersama-sama kita melakukan transformasi ke arah yang lebih berdaya saing. Pasti kita mahu jadi yang terbaik!”

Loo Mun Fong & Kok Kung Shen
1 Million Dollar Circle & Blue Diamond Executive

“Saya tidak pernah menyangka kejayaan yang telah saya capai pada hari ini. Dihidapi dengan pelbagai masalah kesihatan dan obesiti telah meremukkan keyakinan diri saya. Walau bagaimanapun, semua kedukaan berakhir semenjak saya menemui TRA. Saya telah berjaya mengurangkan berat badan sebanyak 10kg selepas mengambil pek TRA yang pertama! Dengan berat badan yang lebih sihat dan bentuk badan yang lebih menarik, saya telah mendapatkan semula keyakinan diri. Walaupun menikmati makanan yang enak masih menjadi kesukaan saya, dengan produk Nu Skin yang inovatif dan gaya hidup yang lebih sihat, kekal cantik tidak menjadi masalah lagi. Saya amat gembira dengan apa yang Nu Skin telah berikan selama ini. Menyebarkan getaran kebaikan telah menjadikan saya individu yang lebih baik. Terima kasih Nu Skin!”

Grace Tan
1 Million Dollar Circle & Blue Diamond Executive

“Saya telah menjalankan perniagaan Nu Skin lebih daripada 20 tahun sekarang. Perjalanan saya bermula dengan masalah kulit saya yang sensitif dan jempitan dari seorang yang tidak saya kenali. Pada masa itu, ianya merupakan era Nu Skin 1.0, di mana sumber adalah terhad dan komunikasi hanyalah melalui panggilan melalui BB. Tanpa memahami apa yang berlaku, saya telah diminta untuk menjadi jurucakap Nu Skin. Walaupun tiada banyak program latihan pada masa itu, pengalaman telah menjadikan saya lebih baik dan sempurna. Sasaran saya yang memperolehi pendapatan sebanyak 20 ribu dolar sebulan kepada 10 juta dolar pada hari ini terus menolak saya ke hadapan. Daripada sasaran saya, Nu Skin telah memberi banyak kepada saya. Saya tidak pernah menetapkan sasaran yang keterlaluan, tetapi cekal untuk mencapai setiap sasaran, perlahan-lahan tetapi dengan pasti. Mengejar kehidupan yang lebih berkualiti adalah motivasi untuk saya lakukan perniagaan ini. Menyebarkan getaran positif dengan platform yang tepat membuatkan saya kekal berminat selama lebih 20 tahun. Moto saya: Tiada magik, hanya perkara asas.”

Jasmine Hew
10 Million Dollar Circle & 2 Year Team Elite



SERLAHKAN kecantikan Semulajadi Anda!

Memang benar, memiliki tubuh yang mantap dan “bergetah” merupakan impian semua orang. Namun begitu, mempunyai bentuk tubuh yang mantap sahaja tidak sempurna tanpa kulit yang sihat. Bayangkan mempunyai bentuk tubuh yang langsing sempurna, berpinggang ramping, pinggul, lengan dan peha yang pejal dengan tiada langsung lemak menggeleber yang kelihatan, tetapi wajah penuh dengan jerawat, parut dan jeragat...pemandangan yang tidak begitu indah bukan?

Tidak dinafikan ramai yang hanya menumpukan kepada fizikal dan terlupa tentang kulit mereka. Sebenarnya, kesihatan kulit juga sepenting keadaan kesihatan fizikal. Kulit yang sihat menyumbang kepada keseluruhan kesihatan dan keyakinan diri. Kulit yang cantik adalah di dalam capaian setiap orang, dan melalui penjagaan kulit secara rutin yang bersesuaian dengan kulit

anda, mencapai matlamat kesihatan kulit adalah pantas!

Terokai rahsia kepada kulit sihat berseri dengan Nu Skin Nutricentials Pack – pek penjagaan kulit harian yang memberikan nutrisi penting kepada kulit dari luar ke dalam bagi meningkatkan kesihatan kulit secara semulajadi.

Regimen Penjagaan Kulit

KULIT NORMAL KEPADA KERING **KULIT KOMBINASI KEPADA BERMINYAK**

1

MEMBERSIH

KULIT YANG BERSIH ADALAH KULIT YANG CANTIK!



CREAMY CLEANSING LOTION

Melindungi lapisan halus halangan kelembapan kulit dengan berkesan sambil membersihkan kulit dari minyak dan sisa kotoran.

PURE CLEANSING GEL

Membantu membersihkan hingga ke dalam liang roma untuk menghapuskan minyak, sel-sel kulit mati, sisa mekap dan habuk pencemaran.



PH BALANCE TONER

Ekstrak Strawberi kulit mengembalikan pH kulit kepada aras optimum, membenarkan pelembap bertindak dengan efektif.

PH BALANCE MATTEFYING TONER

Teknologi dwi-fasa mengapungkan serbuk mineral serap-minyak agar menghasilkan kemas tanpa-kilauan dan kulit tidak kelihatan berkilat. Ekstrak Strawberi yang kaya dengan Polyphenol membantu menghaluskan kulit.



3

SERUM

SELAMAT TINGGAL PENUAAN!

CELLTREX ULTRA RECOVERY FLUID

Membantu memberikan lembapan secukupnya terhadap kulit kering dengan pekatan polyphenol hydroxytyrosol agar kulit menjadi lebih halus, mulus dan kelihatan sihat.



MOISTURE RESTORE DAY PROTECTIVE LOTION SPF 15

Diperkaya dengan karotenoid tanpa bau, membantu memberi perlindungan antioksidan yang luarbiasa dan kaya dengan emolien agar kulit kekal lembap.

PELEMBAP

PELEMBAP KULIT SEMULAJADI YANG MAMPU MEMBERI KELEMBAPAN MAKSIMUM!

MOISTURE RESTORE DAY PROTECTIVE MATTEFYING LOTION SPF 15

Diformulasi dengan karotenoid tanpa bau, pelembap bebas-minyak ini mengurangkan kulit berminyak dan melindungi kulit dari kesan penuaan akibat sinaran UVA dan UVB



5

PENGGUNAAN MALAM

BANGUN SETIAP PAGI DENGAN KULIT YANG MENAWANI!

NIGHT SUPPLY NOURISHING CREAM

Mengandungi lipid phosphatidylcholine yang membantu mengembalikan fleksibiliti dan memperbaiki daya tahan kulit agar fungsi pertahanan kulit sentiasa terpelihara.



Memiliki kulit yang cantik dan sihat tidak jauh berbeza dengan mendapatkan tubuh yang cergas. Ayuh cergaskan kulit anda dengan Nu Skin Nutricentials Pack sekarang!



DARI GEMUK KEPADA **Gempak!**

Sukan mempunyai potensi yang unik dan boleh menyatukan masyarakat. Semasa Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur, seluruh rakyat Malaysia bersatu untuk menyokong peserta Negara tanpa mengira bangsa dan agama. Itulah keajaiban sukan, menyatukan seluruh rakyat Malaysia tanpa perlu sebarang kata-kata!

Walaupun sokongan rakyat Malaysia dalam bidang sukan ternyata kuat, peratusan rakyat Malaysia yang terlibat dalam sukan masih rendah. Menurut Kaji Selidik Kesihatan dan Morbiditi 2015, Malaysia telah dikenal pasti sebagai negara yang kurang aktif dari segi fizikal di mana 60% orang dewasa didapati kurang melakukan pergerakan aktif.

Tahukah anda bahawa gaya hidup yang tidak aktif boleh meningkatkan semua sebab kematian, mengandakan risiko penyakit

jantung, kencing manis dan obesiti, juga meningkatkan risiko kanser usus, darah tinggi, kerapuhan tulang, gangguan lipid, tekanan perasaan dan kemurungan?

Walaupun kebanyakan dari kita mengetahui kepentingan senaman secara berkala, namun kita sentiasa mengeneipkan senaman, dengan 1001 macam alasan seperti “terlalu sibuk, penat, tiada minat untuk bersenam, hilang mood dan sebagainya.”

Siapa kata untuk menjadi cergas harus menyakitkan? Cubal salah satu daripada tips dan panduan berikut untuk membantu membuatkan aktiviti fizikal lebih menyenangkan dan berkesan:

- MAINKAN LAGU RANCAK**
Lagu yang berentak laju dan rancak menaikkan semangat dan usaha anda. Jadikanlah muzik teman rapat anda, mainkanlah muzik dengan sepuas hati!
- PELBAGAIKAN**
Bosan dengan rutin gim yang sama dan berulang? Cuba pelbagai aktiviti yang melibatkan fizikal dan keseronokan, seperti mana Zumba atau lawan pedang.
- CARI KAWAN**
Senaman tidak semestinya perlu dilakukan berseorangan. Bersenam bersama kawan memberikan rasa tanggungjawab yang lebih dan mendorong kita untuk melakukannya dengan lebih baik.
- SEDIAKAN GANJARAN**
Membeli baju senaman yang baru atau pergi berurut boleh dijadikan ganjaran untuk membuatkan senaman yang susah menjadi lebih teruja untuk dilakukan.
- MENGOPTIMUMKAN PENCAPAIAN SENAMAN**
Jadikan suplemen kesihatan Pharmedex sebagai pemangkin senaman anda agar lebih berkesan!



TINGKATKAN STAMINA DENGAN CORDYMAXCS-4

- Meningkatkan tenaga dan stamina di samping mengurangkan kepenatan.
- Meningkatkan daya ketahanan, kebolehan aerobik dan anaerobik semasa bersenam.
- Meningkatkan kesihatan fungsi paru-paru dan daya tahan tubuh terhadap tekanan persekitaran dan pekerjaan.
- Terbukti secara klinikal berkesan dalam memperbaiki kesihatan orang dewasa, warga emas, mereka yang aktif maupun yang kurang gemar bersukan.

MENENTANG RADIKAL BEBAS DENGAN TEGREEN97®

- Mengandungi antioksidan yang poten untuk meneutralkan radikal bebas yang terhasil semasa bersenam.
- Mengandungi antioksidan yang menyamai kuasa tujuh cawan teh setiap kapsul dan 99.5% bebas kafein yang memberi anda lonjakan tenaga untuk senaman dan anda masih boleh tidur lena di waktu malam.
- Di dalam kajian perbandingan, Tegreen 97 telah menunjukkan kandungan bioketersediaan dan antioksidan yang lebih tinggi berbanding dengan teh hijau atau teh hitam.
- Membantu meningkatkan pembakaran lemak dengan menyokong termogenesis dan meningkatkan ketahanan fizikal semasa bersenam.

BINA OTOT DENGAN AGELOC® TR90® TRIMSHAKE

- Menyediakan keperluan protin untuk tubuh, di mana ianya penting bagi pembentukan, pembesaran dan pembaikan tisu otot tanpa lemak.
- Mengandungi fiber yang membuatkan anda merasa kenyang dan membantu mengimbangi paras gula di dalam darah semasa bersenam, di mana ianya penting dalam mengekalkan momentum senaman anda, dan juga mengawal selera anda terutamanya selepas bersenam!
- Kalori yang rendah untuk memastikan anda menerima nutrisi yang mencukupi, sambil memotong pengambilan kalori bagi mengawal berat badan anda.
- Menyokong metabolisme dengan vitamin dan mineral yang diperlukan.

Memiliki tubuh badan yang menarik bukannya sukar. Dengan berpandukan tips yang telah diberikan ini, anda mampu membawa senaman anda ke tahap yang lebih tinggi, ditambah pula dengan pengambilan ageLOC® TR90® TrimShake, Tegreen97® and CordyMaxCS-4. Mulakan hari ini!



PERJALANAN YANG Mengubah Kehidupan

Apabila bercakap mengenai kehidupan, ramai yang melihat bahawa keremajaan adalah elemen yang paling penting. Bagaimanapun, ramai yang tidak menyedari bahawa mempunyai badan yang sihat adalah lebih penting untuk menikmati kehidupan sepenuhnya. Apabila kita sibuk mencapai sasaran kesihatan di dalam hidup, sering kita terlupa akan nasib mereka yang kurang berkemampuan di sekeliling kita. Pada ketika itulah, tiada yang lebih membahagiakan dari kepuasan membantu menyelamatkan nyawa saat diperlukan.

Selama lebih dari 17 tahun, Force For Good Nu Skin telah menyumbangkan jutaan dolar untuk meningkatkan taraf kesihatan, membasmi masalah buta huruf dan memperbaiki keadaan ekonomi kanak-kanak di lebih 50 buah negara serata dunia. Budaya

Force For Good Nu Skin telah menyatukan para penganjur, pelanggan, dan pekerja bagi menggandakan keupayaan syarikat untuk membekalkan nutrisi dan meningkatkan taraf hidup kanak-kanak di seluruh dunia.



KEMPEN DERMA DARAH NU SKIN YANG KE 14

Nu Skin telah bertahun-tahun menjalankan pelbagai aktiviti yang meninggalkan impak mendalam ke atas kehidupan orang lain. Ditubuhkan pada tahun 1984 dengan membawa misi untuk menjadi Force For Good di merata dunia dengan membolehkan orang ramai meningkatkan taraf hidup melalui peluang perniagaan yang memanfaatkan, produk yang inovatif serta budaya yang memperkayakan kualiti kehidupan, Nu Skin terus berpegang kepada misinya dengan melancarkan Kempen Derma Darah yang ke 14.

Atas sokongan padu Pemimpin Jualan, Penganjur dan staf Nu Skin, Nu Skin mampu menyelamatkan 250 nyawa melalui 99 pain darah yang telah didermakan, salah satu rekod tertinggi setakat ini di Nu Skin Malaysia!

HARI FORCE FOR GOOD NU SKIN

Tahun ini, lebih daripada 40 orang yang terdiri dari Pemimpin Jualan, para Penganjur dan staf telah menunjukkan semangat Force For Good Nu Skin apabila telah meluangkan masa bergembira bersama 30 orang kanak-kanak tajaan Southeast Asia Children's Heart Fund (SEA CHF).

Apabila tiba di The Discovery Centre, Petrosains KLCC, kanak-kanak sungguh teruja untuk menjelajah ke semua pameran yang menyeronokkan dan interaktif tentang

dunia sains dan teknologi di dalam industri petroleum. Senyuman lebar terukir pada bibir masing-masing apabila mereka berinteraktif dengan peralatan berciri futuristik yang disediakan melalui prop bertema, imej tiga-dimensi, efek simulasi dan efek bunyi dan visual yang canggih, mengagumkan serta realistik.

Tiada apa lagi yang dapat memberikan Pemimpin Jualan, Penganjur dan staf Nu Skin lebih kepuasan selain dari melihat kegembiraan kanak-kanak apabila mereka berjaya belajar tentang sains angkasa dan teknologi dari pameran "Stesen Angkasa Lepas Dunia", menerokai replika pelantar minyak dan pengalaman simulasi memandu kereta F1 yang paling menyeronokkan!

Daripada litar kereta lumba sehinggalah ke corong gelincir di hujung pameran, ianya merupakan pintu gerbang pendidikan buat kanak-kanak tajaan tersebut. Kemuncak acara ialah apabila semuanya kembali ke Pusat Penganjur Nu Skin untuk menikmati jamuan yang lazat.

Kemurahan hati Pemimpin Jualan dan Penganjur Nu Skin tentunya mengukir senyuman dan memberi harapan kepada banyak keluarga. Ini adalah harapan Nu Skin untuk melihat ramai lagi kanak-kanak dibantu pada tahun-tahun yang mendatang. Jadi, biarlah kami meneruskan usaha untuk membawa senyuman, memberi harapan dan menjadi sebagai Force For Good!

Snapshot

TR90 CARNIVAL & PUBLIC FORUM
23 September 2017
Hotel Istana,
Kuala Lumpur



SUCCESS CELEBRATION
21 September 2017
Kuala Lumpur



Nu Skin ageLOC® EXPO 2017
5 Ogos 2017
Johor Bahru & Penang
Distributor Center



11-12 August 2017
PNB Darby Park
Retail Lobby
Kuala Lumpur





NU SKIN
DISCOVER THE BEST YOU™



NU SKIN (MALAYSIA) SDN. BHD. (402787-V) License No. AJL 931384
Lot 01-05, Level 1, PNB Darby Park Retail, No. 10, Jalan Binjai, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 603 2170 7888 Fax: 603 2170 7999 www.nuskin.com.my

نوسکین فرمائیکس (پي) سنڊپرين پراجيڪٽ

NUSKIN PHARMANEX (B) SDN BHD
D2, Blk D, Lot 11620, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE1718, Brunei Darussalam.
Tel: 673 2 422 225 Fax: 673 2 422 226 www.nuskin.com.bn